

UPM tubuh Akademi Sukan bantu atlit

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menubuhkan Akademi Sukan bagi meningkatkan penggunaan unsur sains dan teknologi (S&T) bagi membantu membangunkan sukan negara ke tahap antarabangsa.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, berkata ketika ini program peningkatan prestasi acara sukan bertumpu kepada aspek fizikal dan mental atlit.

Beliau berkata, untuk bersaing di peringkat dunia, pembangunan ahli sukan tempatan perlu membabitkan aspek S&T kerana pencapaian atlit antarabangsa banyak dibantu oleh penyelidikan mendalam berkaitan prestasi mereka.

"Contohnya, dalam sukan renang peringkat dunia, perbezaan setengah saat boleh menentukan juara dan naib juara tetapi pemenang mungkin dibantu oleh pakaian renang yang direka menggunakan teknologi tinggi.

"Aspek S&T ini belum digunakan secara meluas dalam pembangunan sukan negara dan kepakaran di UPM menerusi Akademi Sukan diharap dapat meningkatkan keupayaan atlit kita.

"Penubuhannya sudah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan dan Akademi Sukan akan mula beroperasi Januari ini selepas pengarah pertama dilantik oleh universiti," katanya pada sidang akhbar di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Untuk permulaan, Dr Muhamad Zohadie berkata, Akademi Sukan UPM akan mempunyai empat makmal iaitu Laboratori Golf, Laboratori Ekuin, Laboratori Badminton dan Laboratori Ragbi.

Katanya, pemilihan empat acara sukan itu berdasarkan kemudahan fizikal yang terdapat di kampus UPM dan potensi atlit tempatan untuk mencapai peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, pensyarah

UPM dari beberapa fakulti yang ditugaskan di Akademi Sukan akan menyumbang kepakaran masing-masing untuk membangunkan acara golf, sukan berkuda, badminton dan ragbi.

"Selain atlit kebangsaan, penyelidikan yang akan dilakukan akademi ini dikhaskan untuk jurulatih atau kakitangan teknikal dan atlit muda yang akan menjadi pelapis pada masa depan.

"Strategi kami ialah meningkatkan keupayaan atlit sedia ada, membantu jurulatih dalam tugas mereka dan membangunkan ahli sukan baru agar pencapaian negara sentiasa stabil kerana terdapat pelapis yang setanding pencapaiannya dengan atlit senior," katanya.

Selain empat acara berkenaan, Dr Muhamad Zohadie berkata, UPM mengenal pasti hoki dan bola sepak sebagai acara yang akan menjadi bahan penyelidikan Akademi Sukan.

Katanya, hoki terpilih kerana pencapaian pasukan kebangsaan dalam acara itu berada pada tahap antarabangsa tetapi banyak aspek S&T yang boleh membantu pemain bersaing dengan pasukan ternama.

Bola sepak pula, katanya, menjadi sukan nombor satu negara dan memerlukan kajian menyeluruh bagi membangunkan semula prestasi skuad kebangsaan.

Beliau berkata, Akademi Sukan akan bekerjasama dengan Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara, Persatuan Badminton Malaysia, Persatuan Hoki Malaysia, Persatuan Bola Sepak Malaysia dan agensi lain untuk membangunkan setiap acara berkenaan.

"Pembangunan sukan memerlukan kerjasama semua pihak yang terbabit dan tidak boleh dilakukan secara bersendirian oleh mana-mana agensi.

"Jadi, Akademi Sukan akan menyelaras dan menggabungkan kepakaran setiap pihak bagi memajukan acara terbabit," katanya.